



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 24 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ENCOURAGE CONSUMPTION OF LOCAL FRUITS, NATION, CHINA PRESS -A6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2. 3. 4. 5. 6. 7.	LELAKI TETAK LEMBU DIDENDA RM30,000, NEGARA, KOSMO -17 PADAH ANIAYA LEMBU KORBAN, SINAR NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -29 TETAK PUNGGUNG, KEPALA LEMBU, LELAKI DIDENDA RM30,000, DALAM NEGERI, UM -9 LEMBU JADI MANGSA, LOKAL, HM -2 DUTCH LADY BELI TANAH DI BANDAR BARU ENSTEK, BH -ONLINE DUTCH LADY BUYING LAND TO EXPAND MANUFACTURING CAPABILITIES, BUSINESS, THE SUN -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8.	MORE THAN 100,000 METRIC TONNES TUNA FISH CAUGHT LAST YEAR, NATION, CHINA PRESS -A6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9. 10.	TIGA TAN METRIK BERAS DISITA, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -25 LAGI RAMPASAN BERAS SUMBER DIRAGUI, HM -ONLINE	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
11. 12. 13. 14. 15.	DRON RINGANKAN BEBAN PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -33 PESAWAH BERAZAM UNTUK BANGKIT, DALAM NEGERI, UM -30 KHUATIR SEWA TANAH MAHAL, HARGA SAYUR NAIK, BH -ONLINE SIM TZE TZIN URGES AGRICULTURE MINISTER, DEPUTY MINISTER TO VISIT CAMERON HIGHLANDS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4 PLEDGE TO SOLVE TUARAN VILLAGERS 'LAND ISSUE, HOME, BORNEO POST (KK) -2	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Encourages consumption of local fruits		
MediaTitle	China Press		
Date	24 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	225 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,438
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,315



## 鼓勵吃本地水果

首相丹斯里慕尤丁日理万机，周四（23日）抽空出席在国会举行的“来国会吃水果”活动。

慕尤丁（左起）抵步后，在农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪陪同下，

被现场的小型榴梿展览飘出的”榴梿香“所吸引，并向前了解榴梿品种。

这场活动是由农业及食品工业部联合联邦农业销售局（FAMA），在国会新成立的多用途礼堂举办；慕尤丁随后则进入礼堂参与午餐。



ADNAN (tengah) dibawa keluar dari kamar mahkamah selepas didenda RM30,000 kerana mencederakan seekor lembu di Mahkamah Sesyen Besut semalam.

## Lelaki tetak lembu didenda RM30,000

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**BESUT** - Perbuatan kejam seorang buruh yang sanggup menetak seekor lembu yang sepatutnya dikorbankan pada Aidiladha ini berbalas apabila dia didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Wan Azimah Yaacob memerintahkan hukuman demikian apabila Adnan Muhammad, 37, membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

"Perbuatan kejam tertuduh tidak mencerminkan sikap kemanusiaan dan tidak harus di-biarkan.

"Mendatangkan trauma kepada haiwan (lembu) itu kerana setiap yang bernyawa pasti merasa kesakitan biar pun tidak mempunyai akal," katanya sebelum membacakan penghakimannya.

Wan Azimah juga mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara tambahan 12 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Adnan gagal membayar denda dan dihantar untuk menjalani hu-



ANGGOTA Jabatan Veterinar sedang memeriksa kecederaan seekor lembu yang didera Adnan di Jabatan Veterinar Besut, Kampung Raja, Besut semalam.

kuman penjara di Penjara Marang.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa menetak seekor lembu jantan dengan sebilah parang sehingga menyebabkan kecederaan parah pada bahagian ekor, punggung dan kepala haiwan berkenaan.

Adnan menyerang lembu jantan berusia dua tahun kerana tidak berpuas hati dengan pemilik lembu itu yang juga sepupunya.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di tepi sebuah kan-

dang lembu di Kampung Gerai Muda, Jerneh di sini pada pukul 6 pagi, 21 Julai lalu.

Pemiliknya bercadang untuk menyembelih lembu seberat 150 kilogram itu sebagai ibadah korban pada Aidiladha yang akan disambut pada 31 Julai ini.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 29 (1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan hukuman denda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun jika sabit kesalahan.



24/7/2020

SINAR  
HARIAN  
SINAR NEGERI  
TERENGGANU /  
KELANTAN

29

# Padah aniaya lembu korban

Mahkamah Sesyen denda buruh RM30,000 kerana tetak haiwan termakan sepupu sendiri

Oleh RAHAYU MUSTAFA

## BESUT

Seorang buruh didenda sebanyak RM30,000 di Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana menganiaya seekor lembu dengan cara menetak haiwan tersebut hingga cedera.

Hakim Wan Azimah Yaacob membuat keputusan itu selepas tertuduh, Adnan Muhammad, 37, mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut.

Tertuduh dari Kampung Gerai Muda Lay Out, Jerteh turut

berdepan hukuman penjara setahun jika gagal menjelaskan denda.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa dengan kejam mendera sehingga menyebabkan kesakitan tidak sepatunya terhadap seekor lembu milik Mohd Jamil, 56.

Difahamkan, pemilik lembu tersebut ialah sepupu tertuduh.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di tepi kandang sebuah rumah di Kampung Gerai, Jerteh jam 6 pagi pada 21 Julai lalu.

Dengan itu, tertuduh melakuan kesalahan mengikut Seksyen 29 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Adnan menzahirkan pertuduhan menetak binatang tersebut pada bahagian kepala dan belakang sehingga lembu baka tempatan yang sepatutnya di-



Tertuduh (tengah) didenda RM30,000 di Mahkamah Sesyen Besut selepas mengaku bersalah mencederakan seekor lembu.

korbankan pada Aidiladha ini mengalami kecederaan pada kepala, belakang dan punggung.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Mohd Shahihin Mohd Tahar manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



# Tetak punggung, kepala lembu, lelaki didenda RM30,000

Oleh ROSALINDA MD. SAID  
rosalinda.said@mediamulla.com.my

**BESUT:** Tidak tahu apa salah dengan seekor lembu jantan, hingga seorang lelaki tergamak menetak punggung dan kepala haiwan itu hingga cedera teruk. Lebih menyedihkan, lembu milik sepupu tertuduh dikatakan untuk korban Aidiladha hujung bulan ini.

Tindakan itu menyebabkan Adnan Muhammad, 37, seorang buruh didenda RM30,000 selepas dia mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Wan Azimah Yaacob memerintahkan lelaki itu dipenjarakan jika gagal membayar denda. Sehingga petang semalam, lelaki yang disyaki penagih dadah belum membayar denda.

Mengikut kertas pertuduhan, Adnan didakwa dengan kejam mendera hingga menyebabkan kesakitan ke atas lembu ternakan milik Mohd. Jamil Omar, 56.

Perbuatan itu dilakukan di tepi kampong di Kampung Gerai Muda, Jerteh di sini pukul 6 pagi kelmarin.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Mohd.

**“**

**“Ia bukan sahaja memberi kesan kepada haiwan tetapi turut menimbulkan kekusaran orang awam.”**

Shahihun Mohd. Tahar mengikut Seksyen 29 (1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29 (1) akta sama.

Seksyen tersebut memperlakukan hukuman denda RM20,000 hingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Wan Azimah menyifatkan perbuatan tertuduh kejam dan tidak berperikemanusiaan.

Kata beliau, ia bukan sahaja memberi kesan kepada haiwan tetapi turut menimbulkan kekusaran orang awam.

Lembu jantan baka tempatan berusia dua tahun seberat 150 kilogram itu dirawat di pejabat perkhidmatan veterinar daerah Besut.



ADNAN MUHAMMAD dibawa ke Mahkamah Sesyen Besut semalam untuk dituduh atas kesakitan mendera dengan menetak seekor lembu korban milik sepupunya.



# Lembu jadi mangsa

Buruh mengaku tetak ternakan sepupu didenda RM30,000

Oleh Nurul Fatimah  
Sulaini  
am@hmetro.com.my

## Besut

**P**erbuatan kejam seorang buruh menetak seekor lembu dengan sebilah parang membawa padah apabila dia dijatuhi hukuman denda RM30,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Wan Azimah Yacob membuat keputusan itu selepas Adnan Muhammad, 36, mengaku bersalah selepas kertas pertuduhan dibaca terhadapnya.

Mengikut kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan perbuatan kejam mendera hingga menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya terhadap seekor lembu milik sepupunya.

Kesalahan didakwa dilakukan di Kampung Gerai Muda, Jertih, Besut, kira-kira jam 6 pagi pada 21 Julai lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 77) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29 (t) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Mohd Shahihan Mohd Tahar manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Wan Azimah ketika membacakan keputusan berkata, tindakan tertuduh melakukan perbuatan itu tidak menggambarakan sifat perikemanusiaan.

"Setiap makhluk yang bernyawa akan rasa sakit bila dilakukan seperti itu, daripada gambar juga dapat rasa binatang itu menanggung kesakitan.

"Sikap kejam dengan guna senjata dan kekera-



ADNAN didenda RM30,000 atau 12 bulan penjara jika gagal membayar denda berkenaan.

**RM3,500**

Nilai lembu berusia dua tahun yang ditetak.

denda berkenaan.

Mahkamah juga menyerahkan lembu itu diserahkan kepada pemiliknya selepas menjalani rawatan

dan barang kes iaitu sebilah parang dilupuskan.

Sementara itu, Mohd Shahihan yang ditemui selepas prosiding berkata, tertuduh mencederakan lembu berkenaan dengan menetak haiwan itu di bahagian belakang, punggung dan kepala.

"Lembu berusia dua tahun dianggarkan bernilai RM3,500 dengan berat 150 kilogram sepatutnya akan dijadikan lembu korban pada Aidiladha ini," katanya.

san bukan saja bagi kesan pada binatang, tetapi juga menda-tangkan kegusaran pada masyarakat," katanya.

Berikutan itu, tertuduh dijatuhi hukuman denda RM30,000 atau 12 bulan penjara jika gagal membayar



LEMBU korban yang ditetak, diberi rawatan di pejabat JPV Daerah Besut, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Dutch Lady beli tanah di Bandar Baru Enstek



KUALA LUMPUR: Dutch Lady Milk Industries Bhd (DLMI) meningkatkan keupayaan pengeluaran dengan pengambilalihan tanah perindustrian seluas 13.19 hektar di Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan bernilai RM56.79 juta.

Pengarah Urusan DLMI, Tarang Gupta, berkata syarikat masih lagi dalam proses membeli tanah di Negeri Sembilan untuk kemudahan pembuatannya di masa hadapan dengan sasaran urus niaga dimuktamadkan tahun ini.

Katanya, cadangan adalah sebagai persediaan syarikat untuk memainkan peranan lebih penting dalam menyokong langkah jaminan makanan kerajaan yang terjejas oleh pandemik COVID-19.

"Kemudahan baharu terletak di taman teknologi HALMAS itu dijangka dapat memanfaatkan rancangan peluasan jangka panjang syarikat di Malaysia serta pendapatan korporat di masa akan datang.

"Ini adalah sebahagian daripada rancangan kami bagi memastikan pertumbuhan mampan dalam semua aktiviti perniagaan kami. Pengambilalihan tanah ini adalah langkah utama ke arah merealisasikan matlamat kami dan ia dijangka dapat membantu mendorong industri tenusu tempatan dan halal yang menjadi kunci utama kepada keselamatan makanan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Sementara itu, DLMI adalah rakan penting kepada usaha kerajaan menerusi Program Pembangunan Tenusu dan Program Farmer2Farmer yang mana pakar tenusu Belanda diterbangkan khas dari negara itu untuk memindahkan kepakaran dan pengetahuan kepada petani tenusu tempatan dalam usaha meningkatkan kualiti dan kuantiti susu mentah tempatan.

"Bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) adalah beberapa contoh baik komitmen yang ditunjukkan oleh DLMI untuk mengembangkan industri tenusu tempatan dan melabur semula ke dalam ekonomi.

"Setakat ini, sejumlah 15 petani FrieslandCampina Belanda telah melatih 466 petani mengenai amalan pertanian dan dengan melakukannya, Program Farmer2Farmer mampu meningkatkan produktiviti dan kehidupan petani tempatan serta kualiti dan jumlah pengeluaran susu tempatan," tambah Gupta.

-BERNAMA

Headline	Dutch Lady buying land to expand manufacturing capabilities		
MediaTitle	The Sun		
Date	24 Jul 2020	Color	Black/white
Section	Business	Circulation	297,582
Page No	12	Readership	892,746
Language	English	ArticleSize	117 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,908
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,724



## Dutch Lady buying land to expand manufacturing capabilities

**KUALA LUMPUR:** Dutch Lady Milk Industries Bhd (DLMI) yesterday announced the expansion of its manufacturing capabilities with the acquisition of 32.59 acres of industrial land in Bandar Baru Enstek, Negri Sembilan, for RM56.79 million, which it aims to complete by this year.

DLMI managing director Tarang Gupta said the company is in the process of purchasing land in Negri Sembilan for its future manufacturing facility as preparation to play a greater role in supporting the government's food security measures which were affected by the Covid-19 pandemic.

"The new facilities located in a HALMAS technology park are expected to be advantageous for the company's long-term expansion plans in Malaysia as well as for future corporate earnings.

"This is part of our ongoing plans of ensuring sustainable growth in all our business activities and the land acquisition is a key step towards realising our goals and is expected to help propel the local dairy and halal industries which are key to food securitisation," he said in a statement.

Meanwhile, DLMI is a strong partner of the government's efforts through the Dairy Development Programme and Farmer2Farmer Programme whereby expert Dutch dairy farmers are flown in from the Netherlands to transfer skills and knowledge to local dairy farmers.

"Partnering the Ministry of Agriculture and Food Industry and the Department of Veterinary Services are some good examples of DLMI's commitment towards developing the local dairy industry and reinvesting back into the economy.

"So far, a total of 15 FrieslandCampina Dutch member farmers have trained 466 farmers on farming practices and by doing so, the Farmer2Farmer Programme was able to improve the productivity and livelihoods of local farmers as well as the quality and volume of local milk production," he said.

-Bernama



Headline	More than 100,000 metric tonnes Tuna fish caught last year		
MediaTitle	China Press		
Date	24 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	102 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,012
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,036



## 去年金槍魚捕逾10萬公噸

（吉隆坡23日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪说，我国在2019年的各类金枪鱼捕获量达10万1627公吨，市值9亿令吉，其中在印度洋就捕获价值3500万令吉的2772公吨大洋金枪鱼。

他说，在印度洋捕获的大洋金枪鱼，都是根据印度洋金枪鱼协会（IOTC）指定的条约，而我国渔船可补3万公吨的大洋金枪鱼。

“从2012年至2019年，平均每年捕获2000公吨的大洋金枪鱼。”

罗南建迪今日在国会下议院部长问答环节中，如是回答土团党沙白安南国会议员拿督莫哈末法西亚的提问。

此外，罗南建迪说，该部通过大马渔业局拟定《2021年至2030年的金枪鱼策略发展蓝图》，以更有效的发展和处理金枪鱼领域。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	54

## Tiga tan metrik beras disita

**SHAH ALAM** - Sebanyak tiga tan metrik beras bernilai RM22,000 dipercayai bekalan daripada sumber yang diragui disita penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam operasi di dua lokasi berasingan semalam.

Ketua Pengarah Pengawasan Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Azman Mahmood berkata, operasi dijalankan berdasarkan risikan oleh pihaknya di dua buah premis di Kuala Lumpur dan Klang.

“Bagi operasi pertama, risikan dijalankan di sebuah premis di Kuala Lumpur. Pemeriksaan dijalankan berjaya menyita beras sebanyak 925 kilogram (kg).

“Susulan itu, operasi kemudiannya diteruskan di Klang dan berjaya menyita sebanyak 950kg beras yang disyaki daripada sumber tidak sah bersama-sama dokumen berkaitan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut mengesan sebuah lori yang mencurigakan semasa pemeriksaan di premis di Klang sebelum hasil pemeriksaan pada lori berkenaan menemui 900kg muatan beras.



Antara beras yang dirampas dalam operasi yang dijalankan penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan semalam.

“Lori itu turut disita untuk siasatan lanjut selepas didapati melakukan kesalahan di bawah Akta 522 kerana tiada dokumen bersabit beras berkenaan,” katanya.

Katanya, pemborong diingatkan tidak mendapat bekalan beras daripada sumber tidak sah kerana ia menjadi kesalahan di bawah Akta 522.

“Beras boleh diperolehi dari Bernas sebagai pengimport tunggal negara,” katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

## Lagi rampasan beras sumber diragui



SEBANYAK 1.95 metrik tan beras yang diragui sumbernya dirampas di Klang hari ini. FOTO Ihsan MAFI

LAGI beras diragui sumber dirampas. Kali ini 1.95 metrik tan beras disita penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Klang hari ini.

Ia susulan Op Smuggle yang diadakan semalam selepas menerima aduan daripada orang ramai mengenai penjualan beras yang tidak sah sumbernya di pasaran.

Ketua Pengarah Industri Padi Beras Azman Mahmood berkata, dalam serbuan di sebuah restoran, pihaknya menyita beras bernilai hampir RM10,000 berkenaan yang dibawa masuk dari India sejak 10 tahun lalu.

Katanya, ia digunakan di restoran serta rumah ibadat bukan Islam dan ketika ditahan, pemilik gagal menunjukkan dokumen berkaitan.

"Semua beras bergred super import dari India yang dipercayai beras dari sumber tidak sah. Pemilik tidak dapat mengemukakan apa-apa dokumen pembuktian belian dan jualan beras.

"Pemilik juga tidak mempunyai Lesen Borong yang sah yang mana ia melanggar peraturan mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522).

"Beras berkenaan disita dan dibawa balik ke Kawal Selia Padi Beras Ibu Pejabat Putrajaya untuk siasatan lanjut," katanya.

Semalam Harian Metro melaporkan penguat kuasa KPB merampas hampir tiga metrik tan beras dalam tiga serbuan di sekitar Kuala Lumpur dan Klang berjumlah RM22,000.

Ia dipercayai dibawa masuk bersama peralatan sembahyang bagi mengaburi mata pihak berwajib sebelum sampai ke restoran di Lembah Klang.

# Dron ringankan beban pesawah

Oleh **ABDUL RASHID  
ABDUL RAHMAN**

utusanews@mediamajala.com.my

**PENGUNAAN** teknologi terkini dalam penanaman padi termasuk dron semakin meluas di negara ini.

Kemampuannya membaja dan meracun padi menarik perhatian pesawah sekali gus mampu menggalakkan penyertaan golongan muda untuk mengusahakan tanaman berkenaan.

Penggunaan dron dapat memastikan proses membaja atau meracun padi dilakukan dengan lebih cepat.

Ia juga dapat menjaga kesihatan petani apabila kurang terdedah dengan semburan racun berbanding kaedah secara konvensional.

**PEGAWAI** syarikat pemasaran dron, Sanyong Agricultural Sdn. Bhd., Sahal Amer Hamzah (empat dari kiri) memberi penerangan dan demonstrasi penggunaan dron terbaharu yang boleh membaja serta meracun di Paya Sepayang, Rompin, Pahang, semalam.





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	80

# Pesawah berazam untuk bangkit



**Okeh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB**  
hafiz.mutalib@mediamulia@gmail.com

**ARAU:** Sebelum ini, Saifullah Abi Jamrah sudah boleh tersenyum lebar setiap kali tiba musim menuai pada Jun atau Julai yang menjanjikan RM9,000 sehingga RM10,000 hasil jualan padi diusahakannya di tanah seluas se-hektar di Guar Sanji di sini.

Mengikut perancangan Saiful-lah, 34, wang tersebut akan disimpan sebagai persediaan untuk majlis perkahwinan jika dia ditakdirkan bertemu jodoh dalam tempoh terdekat ini.

Namun, manusia hanya mam-pu merancang, Allah SWT yang menentukan segala-galanya, apa-



**SAIFULLAH Abi Jamrah merenung sawahnya di Guar Sanji, Arau, Perlis, baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**

bila dia dan rakan-rakan pesawah lain tidak dapat mengusahakan tanaman padi pada musim perta-ma Mac lalu berikutan pelaksanaan-

an Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia dan kesannya turut dirasai Malaysia.

Hampir empat bulan mere-mung nasib diri yang tidak menentu, bagaimanapun, Saiful-lah bersyukur apabila kerajaan

kembali memberi kelonggaran dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) - bermakna dia boleh kembali mengusahakan sawah.

Buat masa ini, katanya, dia mula menabur benih padi mengikut jadual penanaman ba-haru dan dijangka menuai hasil pada Oktober ini.

"Sepanjang PKP lalu, saya langsung tiada pendapatan, mujuir ada sedikit wang sim-punan selain bantuan kerajaan. Dengan wang itu saya gunakan untuk perbelanjaan harian.

"Kami (pesawah) tak pernah jangka berhadapan situasi seperti ini (PKP), selalunya kami hanya berdepan masalah sistem pengai-ran, kekurangan padi benih dan masalah padi angin.

"Tak apalah, kita mula lain selepas ini (tanam padi)," kata-nya bersemangat ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Khuatir sewa tanah mahal, harga sayur naik



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan diminta menjadi 'orang tengah' untuk menyelesaikan isu peningkatan sewa tanah pertanian di Cameron Highlands.

Bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata gesaan itu disuarakan kerana bimbang peningkatan kadar sewa terhadap pekebun bakal mengundang lonjakan harga sayuran di pasaran.

Katanya, hampir 60 peratus daripada sayuran yang dijual di pasaran di seluruh negara ketika ini dihasilkan dari Cameron Highlands.

"Isunya ialah berlaku peningkatan kadar sewa tanah pertanian yang kini diberikan secara sewaan berdaftar, menjangkau 500 peratus, iaitu daripada RM900 kepada RM4,500 seekar setahun.

"Kita bimbang peningkatan kos ini akan diturunkan kepada pengguna, sekali gus bakal menyebabkan rakyat terpaksa menanggung lonjakan harga sayur di pasaran.

"Sekiranya isu peningkatan kadar sewa ini tidak ditangani secara tuntas, kita juga khuatir ia bakal menjejaskan faktor keselamatan makanan, khususnya membabitkan bekalan sayuran di dalam negara," katanya pada sidang media di Parlimen, hari ini.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, pada 30 Januari lalu dilaporkan berkata seramai 1,018 pekebun sayur di Cameron Highlands yang sebelum ini beroperasi di tanah berstatus (LPS) ditawarkan meneruskan operasi mereka menerusi sewaan berdaftar.

Tanah bagi rancangan itu adalah sebahagian daripada kawasan seluas 5,526.219 hektar di tiga mukim, iaitu di Ulu Telom, Ringlet dan Tanah Rata yang sebelum ini diusahakan pekebun berkenaan.

Proses sewaan tanah itu akan diberikan menerusi kaedah milikan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) yang seterusnya dipajakkan kepada Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands (PKCH).

Berdasarkan tawaran terbaharu, kadar yang ditetapkan adalah RM4,500 seekar setahun, berbanding RM884 seekar setahun, manakala tempoh sewaan ialah selama tiga tahun dengan pilihan penyambungan dua tahun.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanah Rata, Chiong Yoke Kong, yang turut hadir pada sidang media sama mencadangkan supaya kadar sewa baharu ditetapkan sebanyak RM1,000 seekar setahun, bagi meringankan beban kewangan petani.

Selain itu, katanya, tempoh sewaan diminta dipanjangkan sehingga lima tahun dengan pilihan penyambungan selama 30 tahun.

"Hasil perbincangan dengan pekebun, Kerajaan Pahang diminta meningkatkan saiz maksimum tanah pertanian yang diberi sewaan kepada lima ekar (2.02 hektar) supaya tanah pertanian berskala kecil di Cameron Highlands dapat dimasukkan dalam inisiatif kerajaan," katanya.



Headline	Sim Tze Tzin urges agriculture minister, deputy minister to visit Cameron Highlands		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	24 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	230 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,736



## 沈志勤：了解菜农问题 促正副农长访金马仑

【吉隆坡 23 日讯】金马仑农地租金暴涨 500%，人民公正党峇峇峇鲁国会议员沈志勤促农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪部长与副部长，走入金马仑菜园区，了解当地菜农所面对的问题。

他指出，随着彭亨州政府今年 2 月起更改金马仑农地租约模式，从土地临时使用准证 (TOL) 改为每 1 英亩农地计费模式，导致金马仑菜农面对高额的农地租金。

“过去，土地临时使用准证的收费仅 684 令吉。然而，如今新的模式，金马仑每 1 英亩农地是 4500 令吉，涨幅高达 500%。”

沈志勤也是农业及农基工业部前副部长。他周四与人民公正党关丹国会议员傅芝茹、民主行动党芙蓉国会议员陆兆



金马仑农民代表向陆兆福（右）呈备忘录，冀国会商讨金马仑农民课题，左为沈志勤。

福在媒体室，会晤一批金马仑菜农后，向媒体这么表示。

他说，行动管制令期间，金马仑菜农已面对农作物无法外销，而被迫摧毁。

“如今，更要面对高额的农地租金，可谓是雪上加

霜！”

他也提及，金马仑有 95% 的菜农是向州政府租赁农地，仅有 5% 菜农是拥有自己的农地。

“如果政府未给予金马仑菜农援助，那全马的蔬菜都有

涨价的可能，毕竟羊毛出在羊身上。全马有 60% 的蔬菜来自金马仑，如果当地的农民面对高额租金，那农作物的价格亦会跟着水涨船高。”

沈志勤也促请农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪，以及 2 名副部长拿督斯里阿末韩沙和拿督仄阿都拉能够亲自走访金马仑，了解当地农民的问题。

“我担任副农长的 22 个月，就到访金马仑多达 8 次。可是，从行管令到现在，农业部正副部长都没有到过金马仑。”

此外，沈志勤也吁请政府，恢复免费办理大马良好农业规范 (myGAP) 认证。

“希望联盟执政时期，大马良好农业规范认证是免费提供给农民办理。但，国民联盟执政后，这项认证开始收取费用，这无疑又是加重农民的经济负担。”

数十名金马仑菜农，周四是在行动党金马仑丹那拉打州议员张玉刚的带领下，到国会向希望国会议员提呈备忘录，希望国会能够商讨金马仑农民课题。#

Headline	Pledge to solve Tuaran villagers' land issue		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	24 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	303 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,689
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,067



# Pledge to solve Tuaran villagers' land issue

**KOTA KINABALU:** Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong vowed to solve the Sabah Rubber Industry Board (LIGS) land settlement issue involving villagers at Tuaran Rubber Settlement Scheme (SPG).

He made the pledge during a working visit to understand and review the proposal to issue 98.42 hectares of land consisting of 10 villages at the Tuaran SPG.

Tuaran SPG has 276 homes across the 10 villages, namely Kg Sg Damit, Kg Sawah, Kg Kauluan, Kg Bundung, Kg Koduko, Kg

Bintangor, Kg Topokon, Kg Pitas, Kg Tangkurangoh and Kg Limbungan.

Following the visit, Junz said he would direct LIGS to prepare the necessary papers and documents to liaise with relevant departments before submitting the proposal to the state cabinet.

He said many land grants had been issued to the villagers in accordance to the Warisan-led Sabah government to give land ownership to eligible people.

"We will always look after the welfare and interests of

the people so that they can live comfortably," said Junz.

"The government takes this issue seriously and I hope land ownership can be given in the near future," he added.

LIGS chairman Datuk John Ghani, the Sabdil Tanjung General Manager, LIGS board members and ministry officials accompanied the minister during the official visit.

Also present were Tuaran Warisan Division chief Rakam Sijim, Tuaran Warisan Wirawati chief Jo-Anna Rampas and village community representatives.



Junz (third right) reviewing the LIGS land settlement issue at Tuaran SPG with LIGs officers.